



02 SEP, 2020

Penduduk resah tiada wang

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Tidak boleh guna mesin ATM di luar kawasan PKPD

Penduduk resah tiada wang

Oleh OTHMAN YAHAYA

SUNGAI PETANI – Penduduk Ambangan Heights, Amanjaya di sini semalam berdepan kesukaran untuk mengeluarkan wang tunai untuk memberi barangan keperluan.

Seorang penduduk, Sobri Abdullah, 40, berkata, mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan perumahan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran sejak 28 Ogos lalu.

"Kami (penduduk) tidak dapat mengeluarkan wang kerana bank dan mesin ATM terletak jauh dari kawasan perumahan ini dan berada di luar kawasan PKPD," katanya di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Muhammad Muaazim Roslan, 31, dari Zon Mawar Fasa 7 berkata, dia berharap pihak berkuasa dapat memberi kebenaran kepada pihak bank bagi membolehkan penduduk membuat pengeluaran wang.

"Seboleh-bolehnya saya tidak mahu menyusahkan ahli keluarga atau rakan-rakan yang tinggal di luar kawasan PKPD untuk membantu mengambil wang di mesin ATM.

"Saya cadangkan kerajaan agar benarkan pihak bank datang ke sini supaya kami dapat



PENDUDUK di Zon Melor, Ambangan Heights di Amanjaya, Sungai Petani menerima ikan segar yang diagihkan kepada mereka semalam.

mengeluarkan wang," katanya.

Sementara itu, pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan tampil membantu menghulurkan bantuan berupa makanan asas kepada penduduk di tiga zon yang dikenakan perintah PKPD.

Seramai 5,265 keluarga dari Zon Kenanga, Mawar dan Melor di Ambangan Heights menerima bantuan makanan berupa beras, tepung gandum dan gula yang disumbangkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Selain itu, penduduk turut

menerima ikan segar sumbangan UMNO Bahagian Sungai Petani dan Merbok.

Beberapa kedai runcit di kawasan berkenaan yang ditutup sebelum ini juga beroperasi semula selain pembukaan Pasar Segar Terkawal mulai hari ini.



02 SEP, 2020

Penduduk resah tiada wang

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Tidak boleh guna mesin ATM di luar kawasan PKPD

SUNGAI PETANI - Penduduk Ambangan Heights, Amanjaya di sini semalam berdepankesukaran untuk mengeluarkan wang tunai untuk memberi barangan keperluan. Seorang penduduk, Sobri Abdullah, 40, berkata, mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan perumahan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran sejak 28 Ogos lalu.